



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA

## **UCAPAN**

**YBRS EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI**

**KETUA PENGARAH**

**JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN**

**JABATAN STANDARD MALAYSIA BIL. 2/2023**

**29 OGOS 2023**

**JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Terima kasih kepada Saudari Pengacara Majlis,  
Pengarah-Pengarah Bahagian  
Para hadirin yang dihormati sekalian,  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran sama-sama kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin serta rahmat-Nya, kita dipertemukan dalam Majlis Perhimpunan JSM Bil. 2/2023 pada hari ini.
2. Saya sangat bersyukur dan berterima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi meluangkan masa hadir di majlis ini dengan suasana cukup meriah, mesra dan harmoni.

Tuan/Puan,

3. Saya berasa teruja kerana tahun ini kita dapat menganjurkan Majlis Perhimpunan dalam Sambutan Bulan Kebangsaan dalam suasana yang harmoni lagi meriah. Inilah nikmat terbesar yang menunjukkan kebersamaan serta perpaduan kita dalam kemajmukan kaum dan budaya Malaysia.

4. Sebagai warganegara, kita seharusnya berasa bertuah menjadi sebahagian daripada rakyat negara yang berdaulat dan merdeka kerana kita dapat mengecapi kehidupan dalam suasana yang harmonis, aman serta sejahtera. Dengan nikmat kemerdekaan, rakyat di negara ini hidup lebih selesa, harmoni dan makmur serta bertolak ansur dalam menjalin hubungan sekali gus perpaduan kaum. Perpaduan adalah suatu nikmat yang amat berharga dan tidak ternilai harganya. Oleh itu, ia perlu dibelai, dipupuk dan dipelihara dalam diri kita semua agar kemerdekaan Malaysia dapat dipertahankan sampai bila-bila walaupun jasad, nyawa serta maruah menjadi taruhan.
5. Apabila kita mengibarkan Jalur Gemilang, secara tidak langsung dapat memupuk perpaduan dalam kalangan kita semua tanpa mengira latar belakang agama yang kita anuti, warna kulit yang menyalut tubuh badan kita, pangkat atau darjat. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Kata-kata azimat tersebut sudah cukup menggambarkan betapa kita perlu bersatu hati. Sejarah telah membuktikan betapa keagungan sesuatu empayar itu bukan hanya terletak kepada kepimpinan yang bijak bestari semata-mata tetapi semangat jati diri dan permuafakatan rakyat.
6. Marilah kita meraikan sambutan Bulan Kebangsaan kali ini dengan penuh rasa kesyukuran atas izin-Nya dan juga kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya mengemudi dan memacu negara ke arah masa hadapan yang lebih mampan seiring dengan tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 iaitu “Tekad Perpaduan Penuhi Harapan”.

7. Saya juga dimaklumkan bahawa Kelab JSM turut menyemarakkan Sambutan Bulan Kebangsaan 2023 dengan mengatur pelbagai program kemerdekaan kepada semua warga JSM.

Tuan/Puan,

8. Majlis ini begitu bermakna bagi kita semua sebagai warga JSM untuk bersama-sama meraikan Bulan Kebangsaan ini. Sesungguhnya, sambutan inilah yang dapat **meningkatkan persefahaman, toleransi, integrasi nasional seluruh warga JSM** khususnya dan rakyat, amnya dalam mencapai keamanan, kerukunan dan kemakmuran hidup.
9. Pentingnya keamanan bagi negara yang kita sayangi ini kerana ia hanya dapat dikecapi dengan mengamalkan sikap saling hormat menghormati untuk hidup bersama sebagai sebuah keluarga Malaysia walaupun berbeza ras, budaya dan kepercayaan.
10. Justeru, saya menyeru seluruh warga JSM terus berpegang teguh kepada **sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban** selaras dengan konsep Malaysia MADANI.

Tuan/Puan,

## **WARGA KERJA BAHARU JSM**

11. Sebagaimana yang semua sedia maklum, kita telah berjaya mengisi kekosongan jawatan Pegawai Perhubungan Awam dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) dalam bulan Mac dan April ini. Selamat datang sekali lagi saya ucapkan kepada En. Soon Lii Chyi ke JSM

yang telah memulakan kerjanya secara rasmi pada **10 April 2023**. Saya juga mengalu-alukan kedatangan Pn Nur Khaireena Buchai Abdullah, Pembantu Tadbir yang telah melapor diri pada **17 Oktober 2022**.

12. Semoga kehadiran tuan/ puan ke JSM terus mencurahkan khidmat bakti dan menyumbang idea yang bernalas bagi membantu JSM ke arah memberikan perkhidmatan yang terbaik, berkualiti dan berintegriti dan membantu meningkatkan *visibility* JSM.

Tuan/Puan,

#### **PENJENAMAAN SEMULA NAMA KEMENTERIAN**

13. Seperti kita sedia maklum, seiring dengan keputusan YAB Perdana Menteri di dalam Mesyuarat Kabinet bertarikh 5 April 2023, nama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah dijenamakan semula dan kini dikenali sebagai Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri atau dalam Bahasa Inggerisnya, **Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI)**. Penjenamaan ini bertepatan dengan fungsi kementerian yang menjadi peneraju dan bertanggungjawab untuk menggalakkan kemasukan pelaburan asing, memperkasa pelaburan tempatan, memantapkan perdagangan antarabangsa dan memperkasa pembangunan industri lestari dan mampan.
14. Keputusan ini juga selaras dengan aspirasi kerajaan untuk merancakkan lagi aktiviti penggalakan pelaburan seperti yang digariskan di bawah Aspirasi Pelaburan nasional bagi kesinambungan pembangunan semula

ekonomi negara seperti yang digariskan di dalam wadah Kerajaan MADANI.

Tuan/Puan,

### **MITI DAY 2023**

15. Seperti kita sedia maklum, pada 29 Julai 2023, MITI telah menganjurkan MITI Day 2023 di Pulau Pinang dan 5 Ogos 2023 di Selangor. Kedua-dua program ini berjalan lancar dengan sambutan memberangsangkan. Di sini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga JSM terutamanya petugas keselamatan dan petugas pameran yang telah bertugas untuk menjayakan program MITI Day 2023. Begitu juga dengan Majlis Penyampaian Anugerah Standard dan Akreditasi Kebangsaan Tahun 2022.

Tuan/Puan,

### **BUKU LAPORAN JSM TAHUN 2022 DAN MALAYSIA'S NQI**

16. Di samping itu, kita juga berjaya menerbitkan Buku Laporan JSM Tahun 2022 dan Malaysia's NQI dalam bulan Julai 2023 dan saya difahamkan buku ini telah diedarkan kepada semua warga JSM pada penghujung bulan Julai. Saya juga difahamkan *softcopy* buku laporan telah dimuat naik ke portal JSM dan ia telah dihebahkan kepada semua agensi kerajaan secara WhatsApp kepada Kumpulan PRO JaPen.
17. Oleh itu, syabas kepada ahli-ahli Jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus untuk menyiapkan buku laporan dan Malaysia's NQI ini.

Tuan/Puan,

## **ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULANAN**

18. Perhimpunan kali ini turut diserikan oleh Anugerah Pekerja Cemerlang Bulanan. Pekerja Contoh adalah seorang pekerja yang dapat menjalankan tugas dengan penuh komitmen, berdisiplin tinggi, sentiasa bersikap positif dan mengamalkan semangat berpasukan serta menghasilkan kerja yang berkualiti bagi meningkatkan imej Jabatan Standard Malaysia. Dengan adanya anugerah ini, ia dapat memotivasi warga kerja yang lain, mengekalkan dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan cemerlang warga kerja JSM, menghasilkan warga kerja BKP yang kreatif dan proaktif, meningkatkan kebolehan, kemahiran, komitmen, integriti, nilai-nilai murni warga kerja JSM.
19. Pada hari ini, saya difahamkan terdapat **10 orang penerima anugerah daripada setiap bahagian untuk bulan Januari hingga Jun**. Tahniah saya ucapkan kepada semua penerima ini. Semoga penerima anugerah ini dapat memberi suntikan semangat dan sumber aspirasi kepada warga kerja JSM yang lain untuk berkhidmat dengan cemerlang.

Tuan/Puan,

## **PENGANJURAN SUKAN MITI 2023**

20. Untuk makluman, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) akan mengadakan Sukan MITI 2023 sepanjang bulan Ogos hingga Oktober 2023. Antara sukan yang akan dipertandingkan adalah perbarisan (acara perasmian), bowling, ping pong, bola sepak, karom,

dart, bola jaring, bola sepak, bola tampar, badminton, futsal dan sepak takraw. JSM juga turut diberi tanggungjawab untuk menjadi badan penganjur bagi kejohanan sukan badminton.

21. Oleh itu, saya ingin menyeru semua warga JSM untuk melibatkan diri secara aktif dalam Sukan MITI 2023 agar dapat melahirkan mental dan fizikal yang sihat dan cergas.

Tuan/Puan,

#### **GLOBAL HALAL SUMMIT 2023 (GHAS) 2023 DAN MALAYSIA INTERNATIONAL HALAL SHOWCASE (MIHAS) 2023**

22. MITI akan menganjurkan GHaS 2023 pada 9 hingga 11 September 2023 bertempat di Hotel Pullman, Kuala Lumpur dan MIHAS 2023 pada 12-15 September 2023 di MITEC, Kuala Lumpur. Seperti kelazimannya, pihak MITI telah menjemput JSM untuk melibatkan dalam pameran untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan JSM.

Tuan/Puan,

#### **SAMBUTAN HARI STANDARD SEDUNIA 2023 (WSD- WORLD STANDARD DAY)**

23. Seperti kita sedia maklum, JSM akan menyambut Hari Standard Sedunia 2023 pada 14 Oktober 2023. Tema tahun ini ialah *Shared Vision for a Better World*. Sambutan ini bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan pengawal selia, industri dan pengguna tentang kepentingan standardisasi kepada ekonomi global.

24. Oleh itu, saya ingin memohon jasa baik warga JSM untuk mempromosikan WSD ke semua orang dan **memasukkan tanda pagar #WorldStandardsDay and #standards4SDGs** di media sosial masing-masing.

## PENUTUP

25. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Ke-66 kepada warga JSM. Manfaatkan Sambutan Bulan Kebangsaan dengan menghayati nilai-nilai Hari Kebangsaan sebenar.
26. Dengan ini, saya ingin menamatkan ucapan majlis ini dengan pantun:

Sungguh indah bunga kemboja;  
Di bawah atap tepi halaman;  
Juadah sudah letak di meja;  
Sudilah santap tuan/puan sekalian.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.